

Amin Sweeney

INTISARI ialah *imprint* **Kawah Buku**, yang menumpukan kepada penerbitan ilmiah bagi Pengajian Melayu dan Pengajian Malaysia.



Amin Sweeney bersama komunitas wayang kulit Jawa Timur, yang direkam sekitar tahun 1981.

Amin Sweeney

MANDALA TRADISI LISAN MELAYU

Diselenggara oleh

Helmy Muhammad



Hak cipta makalah © Penulis individu
Hak cipta suntingan dan penerbitan © Kawah Buku

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Diterbitkan pertama kali pada tahun 2026 oleh

INTISARI, sebuah imprint **Kawah Buku**
(Didaftarkan di bawah *Soeloeh Merdeka Publishing*)

Bandar Baru Bangi
43650 Selangor

🌐 press.kawahbuku.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-94014-1-4

Diselenggara oleh Helmy Muhammad
Bacaan semak oleh Khairunisa dan Hanisa S.
Tataletak dan reka bentuk oleh Iskandar Kamel
Reka bentuk kulit oleh Amin Landak

Diterbitkan di Malaysia
Dicetak oleh Vinlin Press

2 4 6 8 10 9 7 5 3 1

*Saya bernafas dengan bahasa Melayu/Indonesia selama
setengah abad. Saya berhasrat melihat bidang saya ini
hidup subur pada masa depan.*

— Amin Sweeney

ISI KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	xiii
<i>Pengenalan</i>	xv
1. Wasiat P. L. Amin Sweeney <i>Sastri Sunarti</i>	1
2. Tradisi Keberaksaraan dan Apresiasi Manuskrip sebagai Pustaka Dunia <i>Mu'jizah</i>	13
3. Mencari 'Common Ground' bersama Amin, Marhum Taman Bunga: Representasi Diri dalam Catatan Harian Riau <i>Jan van der Putten</i>	33
4. Menelusuri Kosa Kata Sosio-Budaya dalam Kamus Thomas Bowrey (1701) <i>Nor Azizah Othman</i>	53
5. Membangun Suatu Praktik Politik dan Kritikan Sosial Lewat Pembacaan Munsyi Abdullah <i>Teo Lee Ken</i>	79
6. Mendengar Keriuhan Masa Lampau: Kedinamikan Teks dalam Konteks Komunikasi Sast(e)Ra Lisan <i>Yoseph Yapi Taum</i>	93

7. Kelisanan dan Keberaksaraan dalam Disiplin Ilmu Sejarah: Dua Kutub, Satu Tujuan <i>Eko Prayitno Joko</i>	119
8. Manikam Kembali ke dalam Cembulnya: Mengunjungi Beberapa Fikiran Amin Sweeney mengenai Tradisi Lisan, Kearifan Tempatan dan Kepengarangan <i>Fairuzzaman Shaharuddin</i>	157
9. Setting the Story Straight: Amin Sweeney, Malay Culture, and the Malay World <i>James T. Collins</i>	189
10. Obituary: A Letter to Amin Sweeney <i>Will Derks</i>	213
<i>Penghargaan</i>	221
<i>Bibliografi</i>	223

He was a rabble-rouser who was always looking for boundaries so that he could cross them, setting a possible precedent for others to follow.

— Jan van der Putten

...kecintaan [Sweeney] yang luar biasa terhadap bahasa Indonesia serta keluasan pengetahuan... jelas memberi pengaruh yang tidak kecil.

— Eko Endarmoko

...the inimitable pur sang Malayist Amin Sweeney, who truly was one of a kind.

— E. P. Wieringa

Since Amin Sweeney's publications on the close readings and full hearings... Malayists have become more aware than ever before of the interconnections of print, handwriting, and orality—and of their mutual interventions and interactions.

— Hendrik M. Maier

PRAKATA

Amin Sweeney dan Pengajian Alam Melayu tidak boleh dipisahkan, seperti lagu dan irama, kerana sumbangan dan pengaruhnya cukup mendalam dan berlapis-lapis sifatnya.

Beliau melihat Alam Melayu dari tiga sudut secara bertahap: Pertama dari luar, awalnya sebagai orang asing berasal dari Ireland; kedua dari dalam sewaktu berasimilasi melalui perkahwinan dengan warga Alam Melayu dan bermastautin selama berdekad di Malaysia dan Indonesia; ketiga serentak dari dalam dan luar membina kefahaman *emic* dan *etic* sebagai seorang pengkaji dan sarjana, *participant observer*, mengenai tradisi lisan, bahasa dan budaya Alam Melayu, yang terhimpun bertimbun semasa di University of California, Berkeley.

Sweeney melihat Alam Melayu sebagai ruang budaya yang dinamik, senantiasa berinteraksi dengan budaya luar dan berubah-ubah. Tradisi lisan Alam Melayu, seperti pantun, hikayat dan cerita penglipur lara bukan warisan beku dan kaku tetapi sistem pemikiran yang hidup terbentuk menerusi interaksi global melalui Selat Melaka dan Laut China Selatan justeru membawakan pertukaran budaya, perdagangan dan pertembungan idea.

Pada beliau bahasa Melayu adalah nadi Alam Melayu, pelantar komunikasi yang telah membina *weltanschauung* bersepadu peribumi dan warga tetamunya. Menurut Sweeney, tradisi lisan Alam Melayu mempunyai struktur logik, etika dan falsafah tersendiri. Melalui bukunya *A Full Hearing: Orality and Literacy in the Malay World* (1987) beliau menolak dikotomi 'lisan *vs.* tulisan' Barat, sebaliknya mengutamakan konsep *continuity* atau kesinambungan. Justeru, penanda aras Barat tidak sesuai digunakan untuk mengupas tentang ruang

pemaknaan tempatan kerana ia adalah hasil tafsiran oleh warga Alam Melayu sendiri.

Sweeney juga telah menyemarakkan penghayatan mengenai Alam Melayu berasaskan kefahaman dan amalan melalui bahasa, cerita dan pengalaman rakyat dengan melihatnya dari dimensi budaya dan epistemologi, yakni, bagaimana orang Melayu mengetahui, memahami dan mengungkapkan dunia mereka sendiri. Boleh disimpulkan bahawa dua kaedah yang digunakan beliau dalam penelitian dan mengemukakan cara analisis beliau ialah etnografi dan linguistik budaya.

Beliau seorang sarjana yang prolific menulis dan mengupas kedudukan ilmu tempatan dan dunia akademik Barat, dengan mengasas dan mengangkat ilmu tempatan, iaitu bahasa, cerita dan cara berfikir Melayu ke paras global dan ruang wacana ilmiah antara-bangsa. Kejayaannya mengantarabangsakan ilmu Alam Melayu dan kaedah-kaedahnya kekal dan mengesankan perkembangan ilmu semasa biar pun usaha ini dimulakannya 50 tahun lalu.

Melalui koleksi esei ini kita akan terus mengingati sumbangan ilmiah seorang sarjana yang telah membumikan kehidupan dan pembinaan ilmunya di Alam Melayu. Karya penghargaan ini perlu menjadi bacaan wajib untuk mereka yang terus memfokus serba serbi terhadap Alam Melayu.

Shamsul Amri Baharuddin

PENGENALAN

Patrick Louis Sweeney, atau lebih dikenali dengan nama Amin Sweeney, merupakan seorang ahli filologi berketurunan Anglo-Irish. Dilahirkan di England pada 13 Disember 1938 dalam keluarga yang memeluk agama Katolik, Sweeney menjejakkan kakinya ke Tanah Melayu pada tahun 1956. Menariknya, kedatangan Sweeney ke Tanah Melayu pada usia 17 tahun ini sebetulnya bukanlah berperanan untuk menjadi seorang sarjana dalam bidang Pengajian Melayu, melainkan kedatangannya adalah untuk menyertai Royal Army Education Corps yang pada ketika itu, ditugaskan untuk membendung pemberontakan komunis yang dilihat mengancam kestabilan politik di wilayah Semenanjung.¹

Dalam rangka tersebut, Sweeney tampak tidak begitu tertarik dengan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya. Sebaliknya, keterarikan serta kecenderungannya lebih terarah kepada sesi perbualan bersama tahanan yang ditangkap. Malahan menurut sahabat yang dekat dengannya iaitu Jan van der Putten, sepanjang penglibatannya sebagai aparat British, Sweeney lebih banyak menghabiskan waktu kerjanya dengan menghirup teh bersama beberapa ‘pemberontak’ yang telah ditahan atas tuduhan ‘komunis’.

Selain tugas untuk membendung pengaruh komunis di Tanah Melayu, Sweeney juga turut diamanahkan dengan satu lagi tugas lain yang berbeza sifatnya iaitu mengajar bahasa Melayu. Tugas pengajaran inilah yang seterusnya memberi kesempatan kepada beliau

¹ Jan van der Putten, “Kata Pengantar” dalam *Pucuk Gunung Es: Kelisanan dan Keberaksaraan dalam Kebudayaan Melayu-Indonesia*, oleh Amin Sweeney (Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia, 2011), xi.

untuk berkomunikasi dengan penduduk setempat. Beliau juga turut berpeluang untuk mempelajari budaya, tradisi, serta amalan masyarakat Melayu, khususnya, yang sekali gus memutik minatnya untuk menyuluh kebudayaan Melayu dengan lebih lanjut.

Selepas menamatkan kontraknya sebagai tentera, Sweeney memilih untuk terus tinggal di Tanah Melayu. Beliau melangsungkan pernikahan pertamanya dengan Zainab, yang merupakan anak kepada Tok Dalang yang berasal dari Kelantan, dan dikurniakan sepasang anak bernama Mubin dan Maria. Pemilihan untuk tetap tinggal di Tanah Melayu ini tentunya bukan hanya dipandu oleh alasan pernikahan, tetapi turut didorong oleh hasrat membuaknya yang ingin mendalami kebudayaan Melayu dengan lebih akut.

Bahkan dalam “Kata Pengantar” sebuah buku yang menghimpunkan segenap kertas kerjanya iaitu *Pucuk Gunung Es*, Putten menyatakan bahawa “Amin lebih suka di Malaya daripada Inggris (England) dan ingin masuk Melayu.”²

Berkat daripada komunikasi serta pelajaran yang diperoleh daripada masyarakat setempat, minat beliau untuk mengetahui dengan lebih lanjut akan kebudayaan Melayu semakin membuak. Hal ini kerana, apa yang diketahui sebelum ini mengenai masyarakat Melayu ternyata berbeza sama sekali dengan realiti yang dihadapi oleh Sweeney. Oleh yang demikian, didorong minat serta semangat ingin tahu, Sweeney memutuskan untuk menyambung pengajian bermula dengan sekolah menengah, dan seterusnya menimba ilmu di School of Oriental and African Studies (SOAS) serta berjaya mendapatkan ijazah dengan nilai terbaik pada tahun 1967.

Menariknya, pencapaian luar biasa ini sangat dibantu oleh pengalamannya semasa bertugas di Tanah Melayu. Bahkan, terdapat beberapa pandangan yang menyatakan bahawa pengetahuannya mengenai masyarakat Melayu pada ketika itu jauh lebih mendalam ketimbang para pengajarnya. Disebabkan perkara ini, Sweeney dengan mudah mencapai nilai tertinggi dalam pengajiannya. Selepas menamatkan pengajian ijazahnya, Sweeney ditemukan dengan seorang sarjana Belanda yang sangat dihormati serta mahir dalam bidang yang ditekuninya, yakni Pengajian Melayu. Pertemuannya

2 Van der Putten, “Kata Pengantar” dalam *Pucuk Gunung Es*, xi.

dengan Christiaan Hooykaas merupakan bibit permulaan untuk beliau menyelami dengan lanjut akan kebudayaan Melayu, khususnya dalam bidang sastera.

Hasil daripada bimbingan serta pertukaran pendapat dan idea melalui perbincangan dan kiriman surat, Sweeney berjaya menamatkan pengajian beliau di peringkat Doktor Falsafah pada tahun 1970 di Universiti California, Berkeley. Pada tahun yang sama juga, beliau dilantik sebagai tenaga pengajar dalam bidang sastera atau persuratan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Meskipun menyatakan rasa keseronokannya mengajar di Malaysia, namun jodoh beliau dengan Universiti Kebangsaan Malaysia tidak bertahan lama. Setelah tujuh tahun menumpahkan khidmat bakti terhadap bidang yang dicintainya, beliau mengangkat kaki keluar dari Jabatan Pengajian Melayu dan menerima tawaran daripada Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Berkeley, berpusat di California, Amerika Syarikat.

Beliau bersara daripada bidang akademik pada tahun 1999 dan sempena persaraan beliau, Universiti Berkeley menganugerahkan darjat Professor Emeritus atas usaha keserjanaan beliau mengangkat bidang pengajian Melayu ke satu tahap yang memberangsangkan. Selepas bersara daripada menjadi tenaga pengajar, Sweeney berpindah ke Bogor, Indonesia, bagi meneruskan sisa hidupnya. Kendatipun sudah meninggalkan dunia akademik, beliau masih giat meneruskan kerja-kerja penulisan, sama ada dalam bentuk akademik mahupun separa akademik. Tulisan-tulisan beliau sering kali merajai kolum-kolum sastera dan majalah seperti *Horizon*, *Tempo*, *Dewan Sastera* dan sebagainya, selain meneruskan dua hobi kegemarannya iaitu bertani dan menikmati kicauan burung.

Sepanjang kerjaya beliau dalam dunia akademik, Sweeney telah pun mengarang dan menerbitkan ratusan makalah baik dalam bentuk kertas kerja, monograf, mahupun dalam bentuk buku. Sebahagian besar penulisan akademiknya dimuatkan dalam himpunan esei berjudul *Pucuk Gunung Es* (2011) yang disusun oleh Putten dan Jamal D. Rahman, pemimpin sidang redaksi majalah *Horison*. Himpunan esei ini diilhamkan sendiri oleh isteri beliau, Sastri Sunarti sebagai tanda kasih terhadap suaminya, sembari mengharapkan agar sosok serta kerja tangannya tetap ditatapi, dikaji ulang, serta dikenang oleh peminat sastera dan kebudayaan di Alam Melayu.

Titik Permulaan

Daripada segudang karya yang telah diterbitkan, terdapat beberapa karyanya yang sering mendapat sorotan pembaca, antaranya *Malay Shadow Puppets* (1972), *The Ramayana and the Malay Shadow-Play* (1972), *Reputations Live On: An Early Malay Autobiography* (1980), *Authors and Audiences in Traditional Malay Literature* (1980), *A Full Hearing: Orality and Literacy in the Malay World* (1987), dan tiga jilid *Karya Lengkap Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi* (1998-2008). Manakala karya lainnya seperti *Studies in Malaysian Oral and Musical Tradition* (1974) dan *Malay Word Music: A Celebration of Oral Creativity* (1994), meskipun sambutannya sedikit berbeza ketimbang karyanya yang telah disebutkan lebih awal, namun ia masih menjadi antara bahan rujukan penting bagi pengamat sebidang dengannya.

Sungguhpun kesemua karya yang dikarang oleh Sweeney sepanjang usia hidupnya ini memperlihatkan jeda waktu yang ketara, namun adalah tidak keterlaluan untuk dinyatakan bahawasanya terdapat pertautan erat yang mengikat antara semua karya yang telah diterbitkan. Pertautan ini dihubungkan oleh satu perkara yang begitu konsisten dalam setiap karyanya, baik dalam buku mahupun kertas kerjanya iaitu kepentingan memberi penilaian semula yang cermat terhadap gagasan serta pandangan sarjana Barat mengenai kebudayaan Melayu.

Jika diamati, perkara yang mentautkan semua karya Sweeney ini sebetulnya bukanlah suatu yang baharu. Dalam konteks sejarah umpamanya, pada penghujung tahun 50-an dan awal 60-an, beberapa orang sarjana memperdebatkan naratif sejarah Malay(si)a yang sedia termaktub. K. G. Tregonning, sejarawan Asia Tenggara mengusulkan agar para sarjana dan sejarawan tempatan meneliti ulang serta menyusun kembali naratif pensejarahan agar fakta yang dipautkan dalam naratif tersebut mengikut fakta sebenar, sembari mencadangkan agar olahan sejarah itu ditafsirkan sendiri mengikut kefahaman serta pengetahuan masyarakat tempatan.³

Pandangan yang hampir sama juga turut disuarakan oleh seorang lagi sejarawan tempatan, Khoo Kay Kim. Dalam makalah tersebut,

3 K. G. Tregonning, "Look at Our Story from the Inside, Not from Outside," *The Straits Times*, November 24, 1958, 6-9.

Khoo Kay Kim melontarkan kritikan tajam terhadap bentuk penulisan sejarah yang dikarang oleh para sarjana pentadbiran British seperti R. O. Winstedt yang menurutnya, dikarang mengikut skematik penulisan sejarah kolonial. Sembari kritikan tersebut, turut dianjurkan juga agar para sejarawan tempatan yang berhasrat untuk mengarang semula sejarah untuk mempertimbangkan kaedah penulisan yang lebih bernada “Malaysianist” dengan mengambil kira faktor-faktor tertentu seperti sosial, politik, ekonomi, mahupun psikologi agar pembinaan tersebut lebih bersifat menyeluruh.

Kegencaran perbahasan dalam upaya menentukan naratif sejarah ini juga tampaknya turut memberi kesan secara langsung mahupun tidak langsung dalam bidang penelitian yang lainnya. Sebagaimana kepentingan fakta dalam mencorak naratif pensejarahan, konteks budaya juga tidak galang gencarnya. Beberapa sarjana tempatan tampil untuk mempersoal sembari menuntut penilaian ulang akan keabsahan fakta yang terangkum dalam aspek kebudayaan. Sikap sebegini diambil memandangkan para sarjana tempatan melihat bahawasanya terdapat kejanggalan tertentu akibat ketidaktepatan, kesalahfahaman, serta kesalahtafsiran fakta yang sedia ada, khususnya dalam analisis sarjana kolonial.

Syed Muhammad Naquib al-Attas sebagai contoh, tidak hanya menghujani kritikan padat terhadap pandangan Barat mengenai kebudayaan Melayu, tetapi menampilkan kelemahan analisis yang dikemukakan oleh para sarjana kolonial.⁴ Dalam menanggapi pandangan sarjana Belanda, A. Teeuw (1968) menyatakan bahawa tidak terdapat sebarang petunjuk yang boleh mengabsahkan terdapatnya penulisan syair dalam tradisi Melayu, al-Attas menyanggah pandangan tersebut dengan mengemukakan dua kritikan tajamnya. Pertama, kebanyakan sarjana Barat lazimnya memberi tafsiran terhadap sesuatu perkara hanya selapis, iaitu hanya menyentuh sudut luaran dan fizikal semata tanpa mendalami makna tersirat yang terkandung di dalamnya. Sedangkan, kebanyakan karya di Alam Melayu lazimnya dipengaruhi oleh ajaran tasawuf yang mana sifatnya jauh lebih mendalam dan kompleks untuk difahami selapis. Sementara kritikan kedua pula adalah terarah kepada kurangnya kefahaman mendalam

4 Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972).

akan kehidupan serta kebudayaan sebenar yang diimani oleh masyarakat. Islam tidak dipertimbangkan sebagai sarana penilaian yang banyak mempengaruhi kehidupan seharian. Sebaliknya, sandaran, ukuran, serta kriteria penilaian lebih terarah kepada tamadun Jawa Kuno dan Hindu-Buddha sebagai sarana utama. Dengan pandangan sebegini, al-Attas berpandangan bahawa analisis yang dikemukakan oleh sarjana Barat tampak tempang dan ditafsir di luar konteks yang sepatutnya.

Tanggapan yang bernada serupa juga turut ditampilkan dalam sebahagian besar karya yang diselenggara oleh Sweeney. Sebagaimana pandangan sarjana tempatan yang lainnya, ketidaksenangan Sweeney terhadap analisis para sarjana Barat begitu jelas terserlah. Misalnya, Sweeney jelas tidak begitu senang dengan tanggapan sarjana Barat seperti Hans Overbeck (1925) yang menyatakan bahawa “sastera Melayu telah ‘mati’,” sekali gus mengumumkan “kelahiran” sastera moden baharu yang bernada-nadikan semangat Barat.⁵

Perkara ini ditolak keras oleh Sweeney kerana baginya, pandangan tersebut terlalu *sepele* dan tidak berpaut secara langsung pada konteksnya. Baginya, kesilapan terbesar Overbeck adalah terarah kepada anggapannya yang melihat bahawa apa yang berlaku di Eropah, yang mana ia menyaksikan kemerosotan bahasa Latin sebagai bahasa ilmiah adalah sama tragedinya dengan apa yang berlaku dalam tradisi sastera tradisional Melayu. Ternyata, pandangan ini adalah berbeza sama sekali.

Sweeney, berbekalkan dengan segenap pembuktian kukuh yang disediakan oleh Ian Proudfoot (1993) menerusi buku tebalnya berjudul *Early Malay Printed Books: A Provisional Account of Materials Published in the Singapore-Malaysia Area Up to 1920, Noting Holdings in Major Public Collections*, memperlihatkan bahawa apa yang sebenarnya berlaku jelas berbeza sama sekali. Tradisi sastera tradisional Melayu sebenarnya bukanlah berhadapan dengan ‘kematiannya’ sebagaimana yang dicanangkan, melainkan ia didorong oleh satu pertukaran medium akibat daripada ledakan teknologi yang mana ia menyaksikan berlakunya satu peralihan yang cukup besar iaitu peralihan daripada budaya manuskrip kepada budaya cetak. Oleh

5 Amin Sweeney. “Gaya Bahasa Lisan dalam Kesusasteraan Rakyat.” *Dewan Sastera*, 1990, 61–65.

kerana budaya cetak pada ketika itu begitu asing dalam tradisi Melayu, maka bukanlah suatu perkara yang menghairankan jika Overbeck melihat bahawa tradisi sastera Melayu tidak hanya mengalami nasib yang sama seperti bahasa Latin di Eropah, iaitu ‘kematian’, tetapi juga berselerakan Eropah.

Pandangan tanding yang diajukan oleh Sweeney dalam menanggapi analisis Overbeck ini bukanlah berakhir begitu sahaja. Ia sebenarnya berkesinambungan dengan beberapa lagi kritikan tajamnya terhadap pandangan sarjana lainnya, baik sarjana kolonial mahupun pengamat yang terpengaruh dengan pandangan mereka, khususnya dalam bidang Pengajian Melayu. Penggunaan istilah ‘kesusasteraan’ misalnya, Sweeney melihat bahawa istilah ini tidak hanya bermasalah kerana telah menyempitkan pandangan terhadap ‘sastera’ itu sendiri, tetapi juga bermasalah kerana mewujudkan pemaknaan baharu yang berbeza dengan apa yang difahami sebelumnya.

Ramai pengamat berpandangan bahawa istilah ‘kesusasteraan’ ini adalah suatu yang bersifat primordial, tatkala ia merupakan tinggalan daripada pendahulu sebelumnya. Malahan, sarjana Indonesia, Simorangkir-Simanjuntak menyangkakan bahawa istilah ini memiliki pertautan erat dengan pemaknaan ‘Pensansekertaan’, yang mana ia adalah hasil daripada pergeseran antaran masyarakat Indonesia dengan tradisi Hindu suatu ketika dahulu.⁶ Ternyata, kedua-dua tanggapan ini sebenarnya tidaklah tepat meskipun terdapat persamaan yang erat khususnya daripada aspek aturan perekaan tertentu. ‘Kesusasteraan’ ini adalah suatu istilah yang direka bagi menyambut kehadiran *belles lettres* (literatures), yang lazimnya menjurus kepada makna ‘hasil kesenian’.

Dalam ‘kesenian’ atau *art* menurut tanggapan Barat, ia menuntut akan keperluan ciri serta sifat tertentu yang khusus bagi memastikan sesuatu yang diciptakan memenuhi kriteria yang digelar sebagai ‘seni’. Sesebuah karya sastera hanya dianggap sebagai ‘kesusasteraan’ sekiranya ia memenuhi ciri, pola, serta sifat ‘kesenian’ yang dianjurkan. Formaliti serta pergolongan sebegini menurut Sweeney, tidak terkandung dalam tradisi masyarakat yang berpaksikan kelisanan.⁷

6 B. Simorangkir-Simanjuntak, *Kesusasteraan Indonesia* (Jakarta: Jajasan Pembangunan, 1962), 1:7.

7 Amin Sweeney, “Gaya Bahasa Lisan dalam Kesusasteraan Rakyat.”

Bagi masyarakat Melayu tradisional, ilmu pengetahuan mengenai 'kesenian' tidak pernah dikotak-kotakkan kerana setiap ciptaan yang dihasilkan oleh masyarakat tentunya mempunyai sifat serta ciri keseniannya sendiri.

Ternyata dalam konteks masyarakat Melayu, perkara ini bukanlah sesuatu yang terkandung dalam kebudayaannya, melainkan ia adalah produk yang terlahir daripada zaman cetak. Kelahiran skematik ini seperti ini dilihat telah menyempitkan makna kesenian dalam tradisi masyarakat sebelumnya jauh lebih luas dan terbuka, sembari telah membentuk dikotomi yang begitu menjengkelkan iaitu antara 'klasik' dan 'moden'. Bagi sudut pandang kolonial, karya yang dianggap sebagai 'klasik' lazimnya terarah kepada sebuah penceritaan yang tidak menampilkan realisme atau 'kenyataan' sebenar. Selain itu daripada aspek bahasa, gaya kepenggunaannya cenderung lebih 'berbunga-bunga' dan 'berlebih-lebihan', sebagaimana yang terkandung dalam cerita legenda dan hikayat.

Manakala karya 'moden' pula lazimnya selalu dipautkan kepada sejarah, iaitu fakta yang sebenar-benarnya berlaku, selain gaya bahasanya lebih cenderung untuk disandarkan kepada gaya bahasa basahan (kolokial) yang ternyata berbeza dengan gaya bahasa 'klasik'. Sweeney melihat bahawa tanggapan kebanyakan sarjana Barat terhadap perkara ini bukan hanya terlalu sempit, tetapi sifatnya juga terlalu melulu dalam menjatuhkan sesuatu konsep ke dalam tubuh sastera Melayu. Tanggapan ini sering kali diulang-ulang secara konsisten menerusi kertas kerjanya baik esei akademik, rencana, mahupun buku yang diselenggaranya.

Namun begitu, apa yang menjadi persoalan besar dan penting untuk dipertanyakan adalah; mengapakah Sweeney berpandangan sedemikian?

Untuk melihat perkara ini dengan lebih jelas, adalah penting untuk kita merujuk serta menghamparkan satu penelitian yang dikelola oleh Sweeney iaitu *Karya Lengkap Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi* antara tahun 1998 sehingga tahun 2008. Karya yang diselenggaranya selama sepuluh tahun ini tidak hanya bertujuan untuk menilai ulang segenap karya Abdullah, seorang pengarang kontroversi dalam tradisi sastera Melayu, tetapi juga mengemukakan pandangan serta kritiknya

terhadap analisis sempit dan melulu yang dicanang oleh sarjana Barat dalam upaya mereka menanggapi sastra Melayu secara menyeluruh.

Nama Abdullah bin Abdul Kadir atau lebih dikenali sebagai Mun-syi Abdullah bukanlah nama asing dalam tradisi sastra Melayu. Ia dikenali tidak hanya sebagai seorang pengarang prolifik yang telah menghasilkan pelbagai karya seperti *Kisah Pelayaran Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi dari Singapura Sampai Ke Kelantan* (1838), *Syair Singapura Terbakar* (1847), *Syair Kampung Gelam Terbakar* (1847) dan sebagainya, tetapi juga dikenali kerana kontroversi yang terpalit pada nama serta karyanya. Pada pandangan umum, Abdullah dikenali dengan dua versi yang saling bertentangan antara satu sama lain. Bagi pengamat Barat, Abdullah sering kali dijoloki sebagai ‘pelopor’, ‘perintis’, dan ‘pembaharu’ kepada sastra Melayu. Malahan pada satu peringkat, terdapat sarjana Barat seperti Skinner mengangkat nama Abdullah ke satu persada yang jauh lebih tinggi iaitu ‘Bapa Sastra Melayu Moden’.⁸

Kendatipun begitu, pandangan sebegini tidak hurung daripada menerima kritikan. Pada era prakemerdekaan dan selepasnya, pandangan terhadap Abdullah ternyata mengalami perubahan yang begitu drastik. Ramai dalam kalangan pengamat pada era ini menyatakan ketidaksepakatan mereka terhadap pelabelan yang diberikan oleh para sarjana Barat terhadap Abdullah. Bagi kelompok ini yang lazimnya terpengaruh dengan idea nasionalis yang antipenjajah, Abdullah tidak dilihat sebagai ‘pelopor’, ‘perintis’, ‘pembaharu’ mahupun ‘Bapa Sastra Moden Melayu’ sebagaimana yang dicanang oleh sarjana Barat; melainkan ia dilabel sebagai ‘pengkhianat’ dan ‘tali barut’ kepada British. Bahkan dalam satu keadaan yang jauh lebih ekstrem, terdapat pandangan yang mencuba untuk mempertanyakan pegangan agama Abdullah, sembari meragukan serta mempersoal keimanannya, yang mana perkara ini berpunca daripada ‘keberaniannya’ untuk menterjemah kitab Injil ke dalam bahasa Melayu.

Kedua pandangan yang saling bertentangan inilah yang sering kali merajai perdebatan mengenai Abdullah. Bahkan pada satu peringkat, ia seolah-olah tidak menunjukkan sebarang petanda bahawa perbincangan seperti ini akan usai. Dalam memberi komentarnya mengenai

8 C. Skinner, *Prosa Melayu Baharu: An Anthology of Modern Malay and Indonesian Prose* (London: Longmans, Green and Co., 1959), 2.

perkara ini, Sweeney berpendapat bahawa pandangan yang saling bertentangan ini sebenarnya suatu lumrah yang tidak hanya sukar untuk dielakkan, tetapi juga sukar untuk diselaraskan. Hal ini menurutnya, sebuah cerminan kepada pergolakan yang berlaku antara masyarakat khususnya selepas era kemerdekaan, yang tampak cenderung untuk memberi pertimbangan nilai terhadap Abdullah secara sosok tanpa mempertimbangkan perkara-perkara lain yang bersangkutan dengan Abdullah mahupun karyanya.

Oleh itu, adalah bukan suatu perkara yang menghairankan seandainya perbincangan mengenai Abdullah masih sukar menemukan jalan keluarnya yang lebih tuntas. Namun begitu, pandangan yang dikemukakan oleh Sweeney bukanlah bertujuan untuk merendah-rendahkan perdebatan tersebut, namun menurutnya, itu bukan. Perkara pokok tatkala membahas mengenai Abdullah. Baginya, Abdullah perlu dia-dili dengan lebih telus tanpa meletakkan sebarang nilai tertentu. Menurutya, apa yang jauh lebih mustahak untuk diamati semula adalah bagaimana Abdullah mendapat gelaran serta sanjungan sedemikian rupa dan mengapa karyanya diangkat sebagai perintis kepada sastera moden dalam tradisi Melayu, sebagaimana yang dikemukakan oleh Skinner (1959) berserta sarjana Barat lainnya?

Abdullah, Sweeney dan Kritikkannya

Untuk mengamati perkara ini dengan lebih tuntas, ia menuntut kita untuk kembali melihat apa yang berlaku pada abad ke-19 terutamanya di Eropah. Selepas ledakan pengetahuan yang kemudiannya memacu kepada tercetusnya Revolusi Industri, segenap pengetahuan serta maklumat baharu ditafsir menerusi kaedah atau pendekatan 'sejarah'. 'Sejarah' menuntut pembuktian 'fakta' dan 'logik' bagi tujuan untuk mengabsahkan 'keaslian' segenap maklumat baharu yang diperolehi. Seandainya sesebuah maklumat tersebut tidak dipautkan kepada 'fakta' dan tidak boleh diterima oleh 'logik', ia dengan kata lain, tidak boleh dianggap sebagai 'sejarah' kerana tidak memaparkan 'realisme' atau kenyataan yang benar.

Konsepsi, ukuran, serta kriteria sebeginilah yang sering dipakai oleh para sarjana Barat dalam mengamati serta menilai karya tradisional Melayu sehinggakan kebanyakan daripada karya tersebut dijoloki sebagai karya 'klasik' kerana tidak menepati segenap tuntutan

yang dianggap sebagai ‘sejarah’. Salah satu contoh terbaik yang boleh ditampilkan adalah dengan merujuk komentar ‘peribadi’ Crawford, yang dipetik daripada akaun Newbold sewaktu menilai *Hikayat Hang Tuah*. Menurutnya, *Hikayat Hang Tuah* adalah sebuah karya yang “tidak berguna” dan “patut dikeji” kerana karya tersebut tidak hanya “tidak masuk akal,” tetapi juga bersifat “keanak-anakan” serta “tidak mengandungi sedikitpun fakta sejarah.”⁹

Oleh kerana *Hikayat Hang Tuah* dilihat tidak memiliki sebarang unsur ‘fakta’, ‘logik’ dan ‘realisme’, ia dilabelkan sebagai karya ‘klasik’ mengikut pandangan mereka. Selain *Hikayat Hang Tuah*, beberapa lagi karya turut dinilai dengan nada sedemikian rupa seperti *Syair Perang Mengkasar* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*, yang mana perkara ini begitu dikesali oleh pengkaji lain seperti Koster (1997) dan Maier (1998), yang kembali menyelenggara semula karya tersebut.

Namun begitu, pandangan para sarjana Barat terhadap karya Abdullah tampak berbeza sama sekali. Mereka dilihat begitu mengangkat karya Abdullah ke satu tingkat yang lebih tinggi daripada karya pengarang Melayu lainnya. Bahkan dalam satu peringkat, terdapat sarjana kolonial menganggap bahawa penulisan yang diselenggara oleh Abdullah ini perlu digolongkan sekali dalam “laporan orang Barat” mengenai Tanah Melayu.

Ia boleh dilihat menerusi komentar serta kutipan bernada positif yang ditampilkan oleh sarjana Barat dalam menanggapi karya Abdullah. Winstedt misalnya menyatakan bahawa “(Abdullah) salah seorang yang paling banyak membawa pembaruan dalam persuratan Melayu; ... menghargai keulungan tulen akan sastrawinya; ... catatan yang terbaik mengenai kejadian-kejadian di Malaya pada zamannya.”¹⁰ Begitu juga dengan pandangan Hooykaas yang menyebut bahawa “telah pada satu abad yang lalu Tanah Malaya mengadakan seorang yang ajaib dari jenis itu, seorang yang sungguh-sungguh lain dari yang lain,”¹¹ dan Hill yang menyatakan bahawa “penulis pertama dalam Bahasa Melayu yang menggunakan realisme dalam kesenian ini, yang

9 T. J. Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca* (London: J. Murray, 1839), II:167.

10 R. O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature* (Singapore: Oxford University Press 1969), 173-77.

11 C. Hooykaas, *Perintis Sastra* (Groningen: J. B. Wolters, 1961), 52.

melihat kejadian dalam hidup sehari-hari dari sudut pandang pengalaman manusia bersama dan bukan melalui kaca mata fantastis seperti dalam legenda dan hikayat.”¹² Manakala Drewes beranggapan bahawa “Abdullah Munsyi, dalam *Kisah Pelayaran Abdullah dari Singapura ke Negeri Kelantan* telah memberi penggambaran yang hidup dan jelas mengenai kondisi (keadaan) amat buruk yang terdapat di Terengganu.”¹³

Komentar serta kutipan yang dinyatakan seperti yang dipaparkan di atas jelas sekali memenuhi semua ukuran serta kriteria sebagaimana yang dicanang oleh sarjana kolonial. Ukuran dan kriteria inilah yang kemudiannya dijadikan sebagai titik pemisah antara karya ‘klasik’ dan ‘moden’ oleh para sarjana kolonial dalam memberi tafsiran terhadap tradisi sastra Melayu. Dengan demikian, bukanlah suatu perkara yang menghairankan jika nama Abdullah berserta karyanya dianggap sebagai pelopor kepada perkara tersebut. Akan tetapi, apa yang lebih mustahak untuk diamati daripada segenap komentar dan kutipan yang dinyatakan oleh para sarjana kolonial dalam menanggapi karya Abdullah adalah kecenderungan memakai kaedah atau pendekatan ‘sejarah’ dalam memberi penilaian terhadap karya tersebut.

Segenap kata-kata yang ditumpahkan dalam tulisan Abdullah tampak jelas diterima secara terus tanpa sebarang pertimbangan ulang, apatah lagi keraguan mahupun persoalan. Para sarjana kolonial seolah-olah terpukau dan beranggapan bahawa setiap intipati yang terkandung dalam penulisan tersebut adalah gugusan ‘fakta’ sebenar yang mutlak, boleh diterima oleh ‘logik’ akal, serta mudah untuk difahami dengan jelas ketimbang karya-karya lainnya, seperti *Hikayat Hang Tuah*. Dengan itu, barangkali, adalah tidak terlalu berlebihan untuk disimpulkan untuk ‘sementara’ bahawasanya pada sudut pandang sarjana kolonial, karya Abdullah ini adalah merupakan satu upaya yang ‘terawal’ dilakukan dalam mencatatkan realiti ‘sejarah’ sebenar mengenai Tanah Melayu.

12 A. H. Hill, trans., “The Hikayat Abdullah,” *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 28, no. 3 (1955): 32.

13 G. W. J. Drewes, “Reality? Or Delusion?,” *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 143, no. 2/3 (1987): 365.

Kendatipun begitu, analisis bersepadu yang ditampilkan oleh Sweeney dalam upayanya menyingkap semula karya tradisional Melayu tampaknya memperlihatkan sisi yang jauh sekali bertentangan daripada tanggapan yang telah dinyatakan oleh sarjana kolonial. Berbekalkan dengan sejumlah bukti yang kukuh, yang mana sebahagian besarnya adalah dengan merujuk pendokumentasian dan bab “Pengenalan” karya Proudfoot (1993), Sweeney memperlihatkan betapa tempang dan canggungnya pandangan sarjana kolonial dalam menganalisis karya tradisional. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelumnya, kebanyakan sarjana kolonial menanggapi karya tradisional Melayu sebagai sesuatu yang sukar untuk diterima secara ‘fakta’ mahupun ‘logik’.

Tanggapan sebegini berlaku kerana terdapat kecenderungan untuk menerapkan kebudayaan mereka dalam memberi penilaian terhadap karya tradisional Melayu dan dalam konteks ini, sarjana kolonial lazimnya berpegang kepada konsep, ukuran, serta kriteria yang lazimnya dipandu oleh faham ‘sejarah’ yang muncul pada abad ke-19, tatkala sesuatu yang berlaku dalam latar sejarah hendaklah bersifat sebuah ‘kenyataan’ yang memaparkan sesuatu peristiwa yang ‘benar’ berlaku. Dengan kata lain, sarjana kolonial seolah-olah memberi satu ketetapan bahawasanya sesebuah karya tersebut hendaklah dikarang mengikut laras faham ‘sejarah’. Pandangan sebegini ditolak oleh Sweeney kerana menurutnya, sarjana Barat terlalu memaksakan pemakaian ukuran serta kriteria yang diimani oleh mereka sedangkan dalam membaca karya Melayu, klasifikasi sedemikian tidak boleh diguna pakai secara terus.

Hal ini kerana dalam konteks masyarakat yang berorientasikan kepada lisan, naratif merupakan kaedah primer untuk menata pengalaman serta pengetahuan manusia. Seseorang yang beraksara-cetak yang membaca karya Melayu lama seperti hikayat lazimnya berpandangan bahawa terdapat pelbagai bahan ‘pinggiran’ yang tidak penting, sukar diterima akal, dan sebagainya.¹⁴ Sedangkan, bagi masyarakat yang berorientasi kepada lisan, bahan ‘pinggiran’ inilah yang

¹⁴ Amin Sweeney, *A Full Hearing: Orality and Literacy in the Malay World* (Berkeley: University of California Press, 1987), 75-77; dan Amin Sweeney, *Karya Lengkap Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi*, Jil. 1 (Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia, 2005), 9.

jauh lebih penting kerana ia berfungsi untuk membina kerangka dan pengantar kepada tulisan berkenaan. Oleh itu, beliau berpendapat bahawa kebanyakan sarjana Eropah cenderung untuk memberi tafsiran melulu terhadap tulisan Melayu yang dianggap mengacu kepada 'kenyataan' di luar teks dan menganggapnya sebagai sebuah teks yang bukan bernada 'sejarah', yang sekali gus menjatuhkannya ke lembah yang dianggap sebagai 'klasik'.

Pandangan ini ternyata berbeza sama sekali tatkala para sarjana kolonial didepankan dengan penulisan Abdullah. Sebagaimana yang telah disentuh sebelumnya, Abdullah diangkat sebagai pelopor kepada sastera moden Melayu. Hal ini kerana karyanya dilihat menepati klasifikasi yang digunakan oleh para sarjana kolonial dalam membaca karya Melayu, iaitu sesebuah karya tersebut hendaklah menampilkan 'fakta' yang boleh diterima secara 'logik' akal, memaparkan 'realisme' sebenar, serta penggunaan gaya bahasa yang berbeza dengan karya sebelumnya yang dianggap sebagai 'klasik'. Penerapan klasifikasi ini sekali gus meletakkan karya Abdullah sebagai sebuah pelataran 'sejarah' mengikut sudut pandang Barat dan atas kapasiti inilah dia tidak hanya diangkat sebagai Bapa Sastera Moden Melayu, tetapi juga meletakkan karyanya sebagai pemula kepada sastera moden Melayu.

Pandangan ini walau bagaimanapun tidak disepakati oleh Sweeney. Ketidaksepakatan ini ditampikan dalam beberapa perkara yang penting untuk diamati kembali. Perkara pertama yang perlu disediliki adalah Abdullah bukanlah satu-satunya pengarang yang menulis dalam bahasa Melayu pada zamannya, melainkan dia adalah salah satu daripada ramai pengarang yang mengabdikan kepada British dan Belanda. Perkara ini boleh dilihat dengan jelas dalam pendokumentasian Proudfoot yang memperlihatkan dengan jelas bahawa terdapat ramai penulis yang mengarang dalam bahasa Melayu sezaman dengan Abdullah. Dalam majalah *Cermin Mata* yang diterbitkan di Singapura umpamanya, dapat dilihat bahawa ramai dalam kalangan pengarang yang menyumbang penulisan mereka mengarang dalam bahasa Melayu. Cumanya, kebanyakan penulis tersebut menyembunyikan nama di balik tulisan mereka.

Hal ini berbeza sekali dengan sikap Abdullah yang cenderung meletakkan namanya, selain ia turut didorong oleh seorang mubaligh Amerika iaitu Alfred North untuk mengarang sesuatu yang baru

daripada pengarang lainnya. Dengan demikian, bukanlah suatu yang menghairankan jika nama Abdullah lebih dikenali pada era tersebut.

Perkara ini juga berkait dengan kritikan lain yang disuarakan oleh Sweeney dalam meneliti ulang karya Abdullah. Sebagaimana yang digambarkan, penulisan Abdullah menepati ukuran serta kriteria 'sejarah' kerana memaparkan 'realisme' sebenar yang dihadapinya. Dalam konteks ini, dapat diamati bahawasanya 'benang merah' yang membezakan karya Abdullah dengan karya Melayu lainnya adalah 'realisme'. Para sarjana kolonial menganggap bahawa realisme adalah sesuatu yang bernilai mutlak serta bersifat sejagat. Ia boleh diaplikasikan dalam konteks berbeza dan cara inilah yang digunakan untuk memberi tafsiran kepada karya Abdullah. Ternyata, pandangan sedemikian jauh meleset sama sekali.

Sweeney berpandangan bahawa 'realisme' bukanlah suatu kaedah tepat untuk menggambarkan 'kenyataan' sebenar yang berlaku melainkan ia hanyalah satu kaedah yang diterapkan untuk mencipta ilusi daripada realiti sebenar. Dengan itu, ia berpandangan bahawa dalam menanggapi karya Abdullah, mereka tampak keliru dengan menempelkan ia adalah suatu karya yang bersifat 'realisme' sedangkan, pemaparan tersebut tidaklah menampilkan realiti yang sebenar, melainkan ia dibentuk seakan-akan sebuah realiti. Tentunya, tanggapan yang dikemukakan Sweeney mengenai perkara ini tidaklah ditampilkan secara *semlerono* tanpa sebarang pembuktian yang kukuh. Salah satu pembuktiannya adalah dengan merujuk pengalaman Abdullah itu sendiri.

Harus dicermati bahawasanya Abdullah bukanlah seorang pengarang yang secara tiba-tiba diangkat sebagai 'pelopor', 'perintis' dan seangkatan dengannya. Dia telah pun lama menjalinkan kerjasama dengan penutur bahasa Inggeris seperti para mubaligh Kristian, Newbold, Alfred North, dan sebagainya. Dalam kerjasama tersebut, para sarjana kolonial tampak kurang mengamati bahawa terdapatnya transaksi yang berlaku antara Abdullah dengan para penutur bahasa Inggeris. Dengan transaksi ini, para penutur bahasa Inggeris memanfaatkan pengetahuan bahasa Melayu yang dikuasai oleh Abdullah, dan Abdullah, tidak hanya mempelajari Bahasa Inggeris, tetapi juga turut menyerap segala bentuk maklumat baik gerak-gerik, kelakuan, sikap, pemikiran, serta selera mereka.

Daripada penyerapan inilah yang kemudiannya membentuk acuan penulisan Abdullah sehinggakan karangannya tidak dilihat asing pada kaca mata Barat, bahkan dianggap sebagai sebahagian daripada mereka.

Perkara ini jelas sekali menunjukkan bahawa karya Abdullah bukanlah suatu dokumen 'sejarah' apatah karangan yang mencuba untuk memaparkan peristiwa 'sejarah' sebagaimana yang dituding oleh kebanyakan sarjana kolonial.

Kendatipun begitu, jika ia bukanlah sebuah karangan 'sejarah', apakah bentuk karya Abdullah? Sejak awal, salah satu ketidaksenangan yang konsisten dipaparkan oleh Sweeney adalah kebanyakan analisis tertumpu kepada 'kenyataan' di luar teks dan bukannya disandarkan kepada teks itu sendiri sebagai suatu yang diciptakan.

Dalam memahat perkara ini, Sweeney mengajak kita untuk memahami peranan seseorang pengarang. Setiap pengarang, baik secara sedar atau tidak sebenarnya memainkan peranan penting dalam karyanya. Ia menciptakan citra (*ethos*) sebagai jelmaan kepada dirinya. Walau bagaimanapun, penciptaan citra (*ethos*) ini tidaklah mencerminkan dirinya yang sebenar, melainkan versi dirinya dalam sesebuah teks yang diciptakan. Akan tetapi dalam kes Abdullah, kebanyakan sarjana kolonial beranggapan bahawa citra (*ethos*) yang diciptakan ini adalah perwakilan secara utuh dirinya dalam teks yang diciptakan tersebut. Oleh kerana itu, mereka mengandaikan bahawa apa yang dikarang oleh Abdullah ini bersifat '*real*'. Sedangkan menurut Sweeney, tafsiran sedemikian jelas sekali menyeleweng.

Seorang pengarang tidak semestinya menciptakan citra atau etos tersebut untuk menampilkan dirinya sendiri secara utuh. Ia sangat bergantung kepada persoalan siapa pembacanya, apa yang diinginkan oleh pembaca, serta apa dampaknya kepada mereka. Bagi seorang penulis, tulisannya merupakan sebuah transaksi antara dia dengan pembaca dan setiap penulis lazimnya mahukan khalayak pembaca membaca karyanya. Apa yang menarik adalah Abdullah juga, tidak terkecuali daripada itu. Abdullah, sebagaimana penulis lain menghendaki karyanya dibaca dan dia telah menentukan khalayak pembaca sasarannya iaitu para pembaca Barat. Dengan kesedaran sedemikian, ia menghamparkan segenap penulisannya tidak hanya mengikut

sikap, pemikiran, serta skematik yang diimani oleh Barat, tetapi juga mengikut selera mereka agar karyanya tetap dibaca.

Kepintaran Abdullah untuk menyesuaikan diri dalam suasana budaya beraksara-cetak serta memanipulasi fikiran pembaca karyanya ini patut diberi pujian. Perkara ini sekali gus menegaskan lagi pandangan Sweeney bahawasanya karya Abdullah bukanlah sebuah dokumen sejarah, melainkan ia adalah merupakan sebuah karya yang *diciptakan* untuk memenuhi selera pembaca kolonial. Maka, bukanlah suatu yang menghairankan jika Sweeney sering kali membeberkan pandangannya bahawa kebanyakan sarjana kolonial sering kali memberi tafsiran yang salah terhadap karya Melayu kerana ia selalu ditanggapi di luar ‘kenyataan’ daripada teks itu sendiri.

Mengenai Buku

Penyelenggaraan himpunan esei ini sebetulnya telah direncanakan jauh lebih awal lagi iaitu pada bulan Mei 2020. Peringkat awal, ia dijangkakan terbit pada akhir tahun 2020. Kendatipun begitu, atas beberapa sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan, misalnya, pengumpulan dana penerbitan serta tuntutan hakiki yang terpaksa dihadapankan, penerbitannya terpaksa ditunda sehingga ke tahun ini. Meskipun begitu hampawa dalam satu tempoh yang begitu lama, semangat serta hasrat untuk menerbitkan buku bagi mengenang sosok Sweeney ini tidak pernah pudar.

Pujian serta ucapan terima kasih perlu disampaikan kepada beberapa individu penting yang bertanggungjawab untuk merealisasikan hasrat penerbitan buku ini, baik secara langsung mahupun tidak langsung. Antara individu tersebut adalah Iskandar Kamel dan Azan Safar dari Kawah Buku yang tidak jemu untuk terus-menerus ‘menekan’, menuntut masa dan tenaga saya agar segera menyelesaikan tugas ini, Jan van der Putten yang turut menagih janji, serta Sastri Sunarti yang tidak pernah lelah menantikan terbitnya himpunan esei ini. Sebagaimana himpunan esei lainnya, penerbitan buku ini juga turut menempuh laluan yang berliku.

Selaku penyunting, pada peringkat awal, saya mengirim hasrat serta kertas usulan kepada sejumlah pengarang yang mengenai Sweeney, baik yang mengenalinya secara peribadi, yang berkecimpung dalam bidang yang ditekuninya, mahupun yang mengenainya hanya

dengan membaca tulisannya. Daripada sejumlah kiriman menerusi email, tidak ramai pengarang yang menyatakan persetujuan untuk mengambil bahagian dalam usaha ini. Ketidaksetujuan tersebut bukanlah disebabkan oleh ketidaktahuan akan sosok yang ingin dikenang, melainkan atas kesibukan peribadi yang hakiki, sembari terdapat pengarang yang mengakui bahawa mereka kurang arif dengan gagasan yang dibawa dan ditekuni oleh Sweeney. Perkara tersebut sekali gus menjadi batu penghalang kepada individu terbabit untuk mengambil bahagian secara langsung.

Sungguhpun keadaan seperti ini dapat difahami dengan jelas dan tentunya, ia juga tidak dapat dielakkan mahupun dipaksa, beberapa rakan peneliti yang membaca serta meminati karya Sweeney sudi menyumbang penulisan mereka antaranya adalah seperti Fairuz-zaman Shaharudin dari Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Universiti Putra Malaysia, Eko Prayitno Joko dari Jabatan Sejarah Universiti Malaysia Sabah, Azizah Othman dari Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi Universiti Malaya, dan juga Teo Lee Ken, penyelidik bebas.

Selain daripada kumpulan ini, upaya menghimpunkan tulisan ini juga turut dibantu oleh belas ehsan daripada isteri Sweeney sendiri iaitu Sastri Sunarti. Peranan serta sumbangan Ibu Sastri begitu bermakna dengan memperkenalkan beberapa lagi pengarang yang menyatakan kesudian untuk mendukung usaha kecil dan sederhana ini seperti Mu'jizah, Yoseph Yapi Taum, dan juga Will Derks. Lebih mengiurkan lagi apabila James T. Collins, ahli linguistik yang berpangkalan di Institut Kajian Etnik (KITA-UKM), menyatakan persetujuan dan memberi kebenaran untuk penulisannya yang diterbitkan pada tahun 2013 untuk dimuatkan dalam buku ini.

Berbekalkan kesudian, belas ehsan, serta persetujuan yang disepakati, maka terhimpun sepuluh esei lengkap yang diharapkan berkemampuan untuk menghembus angin baharu mengenai sosok yang diingat, yang juga dikenali dengan jolokan 'Detektif Pengajian Melayu', iaitu Sweeney.

Kesemua makalah yang dihimpunkan dalam buku ini dapat dibaca sebagai sebuah karangan akademik yang utuh dan saling berjalın, meskipun ditulis oleh penulis yang berbeza dan berangkat daripada pendekatan disiplin yang beragam. Karangan kolektif ini

memperlihatkan keluasan, kedalaman dan kesinambungan pemikiran Sweeney dalam pengajian Melayu-Indonesia, khususnya dalam persoalan filologi, kelisanan, keberaksaraan, teks dan politik ilmu. Setiap penulis menyumbang suara tersendiri, namun kesemuanya bergerak dalam orbit pemikiran yang sama, iaitu pembacaan teks dan tradisi Melayu secara kontekstual, kritis dan bertanggungjawab.

Ia dimulakan dengan penegasan dimensi etika dan amanah keilmuan melalui makalah Sastri Sunarti, yang mentafsirkan kerja terakhir Sweeney terhadap teks Munsyi Abdullah dan terjemahan puisi Taufiq Ismail sebagai suatu bentuk 'wasiat' intelektual. Melalui pembacaan terhadap transkripsi wasiat Munsyi Abdullah, Sastri Sunarti menempatkan filologi bukan sekadar sebagai usaha teknikal penyuntingan teks, tetapi sebagai tanggungjawab sejarah dan moral. Kesinambungan tradisi nasihat, gaya bahasa dan kesedaran etika yang menghubungkan Munsyi Abdullah, Sweeney dan Taufiq Ismail memperlihatkan bagaimana teks Melayu berfungsi sebagai medium pewarisan nilai dan pemikiran merentas generasi.

Persoalan teks sebagai warisan pengetahuan kemudiannya diperluas oleh Mu'jizah, yang membincangkan tradisi keberaksaraan, sejarah aksara dan manuskrip Melayu sebagai pustaka dunia. Dalam esei ini, manuskrip tidak dilihat sebagai tinggalan masa lampau semata-mata, tetapi sebagai rekod peradaban yang memiliki nilai epistemologi dan budaya yang berterusan. Penekanan terhadap pemeliharaan, dokumentasi dan pengiktirafan manuskrip adalah sejajar dengan keprihatinan Sweeney terhadap kedudukan teks Melayu dalam sejarah global ilmu pengetahuan serta keperluan membaca manuskrip dalam konteks sosial dan sejarahnya.

Dimensi konteks dan representasi diri dalam teks ditelusuri oleh Jan van der Putten melalui pembacaan terhadap catatan harian Riau. Dengan menempatkan catatan harian di persimpangan antara teks peribadi dan dokumen sosial, Jan van der Putten menunjukkan bahawa pembentukan makna dan identiti diri sentiasa terikat kepada kelaziman penulisan, tradisi literasi dan khalayak bayangan. Pendekatan ini sejalan dengan gagasan Sweeney tentang pentingnya memahami teks sebagai peristiwa komunikasi yang dibentuk oleh konteks budaya dan sosial.

Perhatian terhadap bahasa sebagai rakaman realiti sosio-budaya pula diketengahkan oleh Nor Azizah Othman melalui analisis terhadap *Kamus Thomas Bowrey* (1701). Dalam esei ini, kamus awal dibaca sebagai teks yang memaparkan interaksi budaya, ekonomi dan politik antara masyarakat Melayu dan dunia luar. Dengan menegaskan bahawa teks rujukan tidak bersifat neutral, makalah ini mengukuhkan pandangan kontekstual yang menjadi teras pemikiran Sweeney.

Persoalan kritikan sosial dan politik dalam kesusasteraan Melayu dimasukkan secara lebih eksplisit melalui makalah Teo Lee Ken, yang membaca karya Munsyi Abdullah sebagai wacana yang aktif dalam menilai dan mencabar struktur sosial zamannya. Munsyi Abdullah ditampilkan sebagai penulis yang menggunakan bahasa sebagai alat kesedaran sosial, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai tokoh peralihan penting dalam sejarah kesusasteraan Melayu, sebagaimana yang sering diujahkan oleh Sweeney. Gagasan kelisanan sebagai peristiwa komunikasi yang hidup dan dinamik diperincikan oleh Yoseph Yapi Taum, yang menekankan aspek performans, pendengar dan situasi penyampaian dalam teks sastra lisan. Dengan menolak pembekuan teks lisan sebagai artifak statik, karangan ini mengukuhkan pandangan Sweeney mengenai hubungan erat antara kelisanan, konteks dan pembentukan makna.

Perspektif ini diluaskan ke dalam disiplin sejarah oleh Eko Prayitno Joko, yang berhujah bahawa sumber lisan dan bertulis tidak seharusnya dipertentangkan secara mutlak, sebaliknya dibaca secara saling melengkapi untuk menghasilkan pemahaman sejarah yang lebih menyeluruh. Teras konseptual pemikiran Sweeney dibincangkan secara langsung oleh Fairuzzaman Shaharuddin, yang menghimpunkan gagasan beliau mengenai tradisi lisan, kearifan tempatan dan kepengarangan. Dalam karangan ini, pemikiran Sweeney ditampilkan sebagai usaha kritis untuk menegaskan nilai pengetahuan tempatan tanpa terperangkap dalam kerangka teori yang reduktif dan tidak sensitif terhadap konteks budaya setempat.

Dalam lingkup pengajian Melayu antarabangsa, James T. Collins menempatkan Sweeney sebagai sarjana yang memainkan peranan penting dalam membentuk wacana tentang budaya dan dunia Melayu. Perbincangan mengenai hubungan pusat dan pinggir serta politik penghasilan ilmu memperlihatkan kegelisahan yang sejalan dengan

pandangan Sweeney sendiri mengenai keperluan membangunkan tradisi keilmuan yang lebih berakar di wilayahnya. Karangan ini diakhiri dengan refleksi peribadi oleh Will Derks, yang mengambil bentuk surat sebagai medium untuk merakamkan kesan intelektual dan manusiawi Sweeney terhadap rakan-rakan sejawatnya. Walaupun bersifat naratif, refleksi ini melengkapkan keseluruhan wacana dengan menegaskan bahawa dunia akademik juga dibentuk oleh hubungan, keperibadian dan etika keilmuan.

Secara keseluruhan, himpunan esei ini adalah bertujuan untuk memaparkan sumbangan Sweeney dalam tradisi Pengajian Melayu yang begitu dicintainya. Tentunya, tidak semua pemikiran sang detektif mampu dicerap menerusi buku ini. Namun ia setidaknya mencuba untuk mengangkat kembali pandangan kritisnya yang tampak semakin pudar dalam kalangan pengamat yang meminati bidang ini. Secara peribadi, usaha kecil ini penting untuk diamati kerana Sweeney telah 'tiada'.

Helmy Muhammad